



14 Julai 2025
14 July 2025
P.U. (A) 213

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (LESEN BAGI
PENINGGALAN “BERHAD” ATAU “BHD.”) 2025

*COMPANIES (LICENCE FOR OMISSION OF “BERHAD”
OR “BHD.”) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 2016

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT
(LESEN BAGI PENINGGALAN “BERHAD” ATAU “BHD.”) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 45(5) dan 613(1) Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat (Lesen bagi Peninggalan “Berhad” atau “Bhd.”) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2025.

Lesen bagi peninggalan perkataan “Berhad” atau “Bhd.”

2. (1) Sesuatu syarikat berhad menurut jaminan boleh memohon kepada Menteri, melalui Pendaftar, bagi suatu lesen untuk meninggalkan perkataan “Berhad” atau “Bhd.” dalam namanya menurut subseksyen 45(3) Akta dalam bentuk yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Suatu permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebanyak tiga ratus ringgit dan dokumen yang berikut:

- (a) satu salinan ketetapan khas mengenai peninggalan perkataan “Berhad” atau “Bhd.” dalam nama syarikat yang diluluskan dalam mesyuarat agung syarikat itu;
- (b) satu salinan penyata bank terkini syarikat itu atau apa-apa dokumen lain yang membuktikan bahawa syarikat berhad menurut jaminan itu memiliki wang tunai atau kesetaraan tunai sekurang-kurangnya satu juta ringgit pada masa permohonan; dan
- (c) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar untuk menilai kelayakan syarikat itu.

Kelayakan bagi lesen

3. Tiada syarikat berhad menurut jaminan boleh memohon lesen yang disebut dalam peraturan 2 melainkan jika syarikat itu mempunyai jumlah sumbangan kewangan yang tidak kurang daripada satu juta ringgit.

Pengeluaran lesen

4. Menteri boleh mengeluarkan suatu lesen bagi peninggalan perkataan “Berhad” atau “Bhd.” daripada nama syarikat berhad menurut jaminan itu jika Menteri berpuas hati bahawa semua kehendak di bawah peraturan 2 dan 3 dipatuhi.

Syarat am

5. (1) Sebagai tambahan kepada apa-apa syarat lain yang boleh dikenakan oleh Menteri, syarikat berhad menurut jaminan yang memegang lesen di bawah peraturan 4 hendaklah mematuhi semua syarat yang berikut:

- (a) syarikat itu hendaklah memastikan bahawa sumber kewangan syarikat digunakan mengikut perlembagaan syarikat pada setiap masa;
- (b) melainkan jika diluluskan oleh Pendaftar—
 - (i) syarikat itu tidak boleh meminda perlembagaannya;
 - (ii) syarikat itu tidak boleh melantik mana-mana pengarah baharu selepas pengeluaran lesen itu;
 - (iii) tertakluk kepada perenggan (c), syarikat itu tidak boleh membenarkan pembayaran apa-apa fi, gaji atau elaun tetap kepada pengarahnya;
 - (iv) syarikat itu tidak boleh meminta apa-apa sumbangan atau derma daripada orang awam; dan

- (v) syarikat itu tidak boleh menubuhkan atau memegang apa-apa subsidiari; dan
- (c) jika syarikat itu berniat untuk membayar apa-apa fi, gaji atau elaun tetap berdasarkan prestasi tahun kewangan kepada pengarahnya, jumlah amaun yang kena dibayar tidak boleh melebihi tiga puluh peratus daripada aset semasa syarikat berhad menurut jaminan itu sebelum pembayaran dibuat dengan syarat—
 - (i) syarikat itu hendaklah telah diperbadankan tidak kurang daripada dua tahun; dan
 - (ii) syarikat itu hendaklah berupaya untuk membayar hutangnya apabila hutang itu menjadi genap dan kena dibayar dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas pembayaran itu.

(2) Syarikat berhad menurut jaminan dan tiap-tiap pegawai yang tidak mematuhi mana-mana syarat di bawah subperaturan (1) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Pembatalan lesen

6. (1) Menteri boleh, atas syor Pendaftar, membatalkan lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 4 jika syarikat berhad menurut jaminan itu tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di bawah peraturan 5 atau yang dikenakan oleh Menteri.

(2) Sebelum pembatalan lesen itu, suatu notis secara bertulis hendaklah dikeluarkan kepada syarikat berhad menurut jaminan itu—

- (a) yang menyatakan alasan dan tarikh lesen itu dibatalkan; dan

(b) yang menghendaki syarikat berhad menurut jaminan itu menjelaskan ketidakpatuhan dalam tempoh tertentu.

(3) Melainkan jika Menteri menentukan sebaliknya setelah menerima penjelasan syarikat berhad menurut jaminan itu, pembatalan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu dan perkataan “Berhad” atau “Bhd.” hendaklah dimasukkan di hujung nama syarikat berhad menurut jaminan itu.

(4) Suatu syarikat berhad menurut jaminan yang lesennya dibatalkan tidak layak untuk memohon semula suatu lesen di bawah seksyen 45 dalam tempoh dua puluh empat bulan selepas pembatalan lesennya itu.

Kecualian dan peralihan

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), mana-mana lesen yang dikeluarkan oleh Menteri sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus sah dan diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan ini seolah-olah lesen itu telah dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan ini.

(2) Peraturan 5 hendaklah terpakai bagi lesen yang dikeluarkan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini tiga puluh hari selepas syarikat berhad menurut jaminan diberitahu mengenai permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan apa-apa syarat lesen yang tidak selaras dengan peraturan 5 hendaklah terhenti berkuat kuasa setakat ketidakselarasan itu.

(3) Jika syarikat berhad menurut jaminan yang dikeluarkan dengan lesen di bawah seksyen 45 Akta tertakluk kepada syarat bahawa syarikat berhad menurut jaminan itu memperoleh sumbangan kewangan yang berjumlah satu juta ringgit gagal untuk memenuhi syarat itu dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini—

(a) Menteri boleh, atas syor Pendaftar, membatalkan lesen syarikat berhad menurut jaminan itu; dan

(b) syarikat berhad menurut jaminan itu boleh memohon suatu lesen baharu mengikut Peraturan-Peraturan ini pada bila-bila masa selepas pembatalan.

(4) Apa-apa permohonan lesen di bawah subseksyen 45(3) Akta yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus diuruskan seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

Dibuat 10 Julai 2025
[KPDNKK.100-1/4/25; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

COMPANIES ACT 2016

COMPANIES (LICENCE FOR OMISSION OF “BERHAD” OR “BHD.”) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by subsections 45(5) and 613(1) of the Companies Act 2016 [Act 777], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Companies (Licence for Omission of “Berhad” or “Bhd.”) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 15 July 2025.

Licence for omission of the word “Berhad” or “Bhd.”

2. (1) A company limited by guarantee may apply to the Minister, through the Registrar, for a licence to omit the word “Berhad” or “Bhd.” in its name pursuant to subsection 45(3) of the Act in the form as determined by the Minister.

(2) An application referred to in subregulation (1) shall be accompanied by the payment of a fee of three hundred ringgit and the following documents:

- (a) a copy of a special resolution on the omission of the word “Berhad” or “Bhd.” in the name of the company passed at a general meeting of the company;
- (b) a copy of the latest bank statement of the company or any other document which proves that the company limited by guarantee owns at least one million ringgit in cash or any cash equivalent at the time of application; and
- (c) any other document as may be required by the Registrar to assess the eligibility of the company.

Qualification for licence

3. No company limited by guarantee may apply for the licence referred to in regulation 2 unless the company has a total financial contribution of not less than one million ringgit.

Issuance of licence

4. The Minister may issue a license for the omission of the word "*Berhad*" or "*Bhd*" from the name of a company limited by guarantee if the Minister is satisfied that all requirements under regulations 2 and 3 are complied with.

General conditions

5. (1) In addition to any other conditions as may be imposed by the Minister, the company limited by guarantee which holds a licence under regulation 4 shall comply with all conditions as follows:

- (a) the company shall ensure that the financial resources of the company are used in accordance with the constitution of the company at all time;
- (b) unless approved by the Registrar—
 - (i) the company shall not amend its constitution;
 - (ii) the company shall not appoint any new director after the issuance of the licence;
 - (iii) subject to paragraph (c), the company shall not allow the payment of any fee, salary or fixed allowance to its directors;
 - (iv) the company shall not solicit any contribution or donation from the public; and
 - (v) the company shall not establish or hold any subsidiary; and

- (c) where the company intends to pay any fee, salary or fixed allowance based on the performance of a financial year to its directors, the total amount payable shall not exceed thirty per cent of the current assets of the company limited by guarantee before the payment is made on the condition that—
 - (i) the company shall have been incorporated for not less than two years; and
 - (ii) the company shall be able to pay its debts when the debts become due and payable within twelve months immediately after the payment.

(2) The company limited by guarantee and every officer who fail to comply with any condition under subregulation (1) commit an offence and shall, upon conviction, be liable to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit.

Revocation of licence

6. (1) The Minister may, upon the recommendation of the Registrar, revoke the licence issued under regulation 4 if the company limited by guarantee fails to comply with any of the conditions prescribed under regulation 5 or imposed by the Minister.

(2) Before the revocation of licence, a notice in writing shall be issued to the company limited by the guarantee—

- (a) stating the grounds and the date on which the licence is revoked; and
- (b) requiring the company limited by the guarantee to explain the non-compliance within certain period.

(3) Unless the Minister determines otherwise upon receiving the explanation of the company limited by the guarantee, the revocation shall take effect on the date as specified in the notice and the word “Berhad” or “Bhd.” shall be inserted into the end of the name of the company limited by guarantee.

(4) A company limited by guarantee whose license is revoked shall not be eligible to apply for a licence under section 45 of the Act within twenty-four months after the revocation of its licence.

Saving and transitional

7. (1) Subject to subregulations (2) and (3), any licence issued by the Minister before the date of coming into operation of these Regulations shall continue to be valid and be dealt with under these Regulations as if the licence had been issued according to these Regulations.

(2) Regulation 5 shall apply to a licence which is issued before the date of coming into operation of these Regulations thirty days after the company limited by guarantee is notified of the coming into operation of these Regulations and any condition of licence which is inconsistent with regulation 5 shall cease to have effect to the extent of the inconsistency.

(3) Where a company limited by guarantee which is issued with a licence under section 45 of the Act subject to the condition that the company limited by guarantee obtains a financial contribution amounting to one million ringgit fails to meet the condition within six months from the date of coming into operation of these Regulations—

- (a) the Minister may, upon the recommendation of the Registrar, revoke the licence of the company limited by guarantee; and
- (b) the company limited by guarantee may apply for a new licence in accordance with these Regulations at any time after the revocation.

(4) Any pending application made under subsection 45(3) of the Act immediately before the coming into operation of these Regulations shall continue to be dealt with as if these Regulations had not been made.

Made 10 July 2025

[KPDNKK.100-1/4/25; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Minister of Domestic Trade and Cost of Living